



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Status Semasa Wabak Disyaki Leptospirosis
Di Depo Tahanan Imigresen Juru, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
(17 Mei 2009)

Sehingga jam 8.00 pagi 17 Mei 2009, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan, dari 36 kes yang dirawat, 13 orang telah dibenarkan keluar dari hospital dan 23 orang masih dirawat di hospital. Dari 23 kes tersebut, 22 orang dirawat di Hospital Bukit Mertajam di mana 1 kes di wad ICU dan berada dalam keadaan kritikal manakala 21 kes lagi yang dirawat di wad Isolasi berada dalam keadaan stabil. Satu (1) kes yang dirawat di wad ICU Hospital Seberang Jaya berada dalam keadaan stabil.

Kementerian Kesihatan sentiasa membuat pengawasan dan kawalan dalam menangani situasi ini termasuklah melakukan disinfeksi semua blok Depo, surveilan dan pemeriksaan harian ke atas penghuni dan merujuk kes yang bergejala ke hospital berdekatan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 17 Mei 2009